

BERITA HARIAN
17 JANUARY 2012

Kulim tolak tawaran DPMM ambil alih kepentingan QSR

KULIM (Malaysia) Bhd semalam menolak tawaran yang dikemukakan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) untuk mengambil alih keseluruhan kepentingan milik syarikat itu dalam QSR Brands Bhd (QSR).

Kulim berkata keputusan berkenaan dibuat berdasarkan pendirian syarikat induknya, Johor Corporation (JCorp) yang tidak akan menyokong mana-mana cadangan un-

FAKTA NOMBOR

RM6.90

seunit

Harga ditawarkan DPMM bagi ambil alih saham dimiliki Kulim

tuk menjual saham QSR.

"Berdasarkan pendirian JCorp itu, kami menerusi surat hari ini (semalam) memaklumkan DPMM bahawa tawaran pengambilalihan mereka ditolak," kata kenyataan syarikat berkenaan dalam makluman kepada Bursa Malaysia, semalam.

Dalam pengumuman berasingan, QSR dan KFC Holdings (Malaysia) Bhd (KFCH) juga memaklumkan

kepada Bursa Malaysia bahawa anggota Lembaga Pengarah Kulim menolak tawaran yang dikemukakan DPMM itu.

Pada 10 Januari lalu, Kulim mengumumkan ia menerima surat tawaran daripada DPMM bertarikh 30 Disember 2011 dewan perniagaan terbabit mengemukakan tawaran sebanyak RM6.90 seunit bagi saham yang dimiliki syarikat berkenaan dalam QSR, yang turut

menguasai KFCH.

Harga tawaran itu 10 sen lebih tinggi berbanding tawaran dibuat Johor Corporation (JCorp) menerusi syarikat tujuan khas (SPV), Massive Equity Sdn Bhd (Massive Equity) pada RM6.80 seunit.

Sementara itu, Pengerusi DPMM, Syed Ali Alattas ketika dihubungi berkata pihaknya akan membuat sidang media berhubung perkara itu, Khamis ini.